

Risalah Penuntut Ilmu (2/2019)

Terjemahan Fatwa


Pusat Penfatwaan Jordan: Hukum Menyambut Mawlid Nabi ﷺ

Diterjemahkan oleh:

Dr. Abdullaah Jalil


www.penuntutilmu.com

Universiti Sains Islam Malaysia



ISI KANDUNGAN

Poster Fatwa Pusat Fatwa Jordan Berkenaan Hukum Menyambut Mawlid Nabi ﷺ	1
Hukum Menyambut Mawlid al-Nabi ﷺ Yang Mulia	2
Dalil Pertama: Ayat 58 daripada Surah Yūnus	3
Dalil Kedua: Ayat 5 daripada Surah Ibrāhīm	4
Dalil Ketiga: Hadis Ṣaḥīḥ Riwayat Abū Qatādah al-Anṣārī رضى الله عنه	5
Dalil Keempat: Hadis Ṣaḥīḥ Riwayat Ibnu ‘Abbās رضى الله عنه	6
[Penutup]	7



Poster Fatwa Pusat Fatwa Jordan Berkenaan Hukum Menyambut Mawlid Nabi ﷺ



حكم الاحتفال بالمولد النبوي الشريف

دار الإفتاء الأردنية

الحمد لله والصلاة والسلام على سيدنا رسول الله

الاحتفال بالمولد النبوي الشريف من السنن الحسنة التي أشار إليها الرسول صلى الله عليه وسلم بقوله: **(من سن في الإسلام سنة حسنة، فعمل بها بعده: كتب له مثل أجر من عمل بها، ولا ينقص من أجورهم شيء)** رواه مسلم.

وقد دل على مشروعية الاحتفال بالمولد النبوي الشريف أدلة كثيرة، منها:

أولاً: قول الله تعالى: **(أقل بفضل الله وبرحمته فبذلك فليفرحوا)** يونس/58، قال ابن عباس رضي الله عنهما: فضل الله العلم، ورحمته محمد صلى الله عليه وسلم، قال تعالى: **(وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين)** الأنبياء/107، والاحتفال بمولد سيد الخلق صلى الله عليه وسلم مظهر من مظاهر الفرح المأمور به.

ثانياً: قوله تعالى: **(وذكرهم بأيام الله)** إبراهيم/5: أي: بنعم الله عليهم، كما فسره ابن عباس ومجاهد وقتادة، وولادة النبي صلى الله عليه وسلم هي النعمة العظمى والمنة الكبرى على العالم كله، لا يشك مسلم بذلك: فالاحتفال بيوم المولد من باب الامتنان لأمر الله تعالى بتذكر نعمه وآلائه.

ثالثاً: عن أبي قتادة الأنصاري رضي الله عنه قال: ... وسئل صلى الله عليه وسلم عن صوم الإثنين: قال: **(أذاك يوم ولد فيه ويوم بعثت - أو أنزل علي - فيه)** رواه مسلم. فبيان النبي صلى الله عليه وسلم أن سبب صومه يوم الإثنين هو ولادته فيه دليل على أن يوم ولادته له مزية على بقية الأيام، والمسلم يحرص على زيادة الأجر والثواب في الأيام المباركة.

رابعاً: عن ابن عباس رضي الله عنهما أن النبي صلى الله عليه وسلم لما قدم المدينة وجدهم يصومون يوماً - يعني عاشوراء - فقالوا: هذا يوم عظيم وهو يوم نجى الله فيه موسى وأغرق آل فرعون: فصام موسى شكراً لله. فقال: **(أنا أولى بموسى منهم)** فصامه وأمر بصيامه. رواه البخاري. ووجه الدلالة: أن شكر الله تعالى في يوم على نعمة من بها، أو نقمة دفعها، مع تكرار ذلك في كل عام: أمر جائز شرعاً، ومن أعظم الآلاء والنعم: نعمة ظهور النبي صلى الله عليه وسلم في ذلك اليوم.

ولا بد أن نذكر أنفسنا وإخواننا المسلمين بضرورة التأسي بالنبي الكريم صلى الله عليه وسلم في أخلاقه وشمائله والإقتداء بأقواله وأفعاله، قال تعالى: **(المدر كان لكم في رسول الله أسوة حسنة لمن كان يرجو الله واليوم الآخر وذكر الله كثيراً)** الأحزاب/21.

www.aliftaa.jo

facebook.com/aliftaa.jo

twitter.com/aliftaa.jo

<https://t.me/iftaa>

00962780310000

Hukum Menyambut Mawlid al-Nabi ﷺ Yang Mulia

Segala puji hanyalah bagi Allah. Selawat dan salam buat Saidina Rasulullah ﷺ.

Sambutan Mawlid Nabi ﷺ al-Sharīf (yang mulia) adalah daripada **Sunnah-sunnah Hasanah** yang telah diberi isyarat berkenaannya oleh Rasulullah ﷺ dengan sabdaan Baginda ﷺ:

« مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا
بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ »

“Barang siapa memulakan satu Sunnah Hasanah di dalam Islam, maka baginya pahalanya (amalan tersebut) dan pahala sesiapa sahaja yang beramal dengannya selepasnya tanpa mengurangkan sedikit pun daripada pahala-pahala mereka.”

Riwayat Muslim (Status: Ṣaḥīḥ).

Dan sesungguhnya di sana terdapat banyak dalil yang memberi petunjuk tentang pensyariatan Sambutan Mawlid Nabi ﷺ Yang Mulia.

Di antaranya ialah:

Dalil Pertama: Ayat 58 daripada Surah Yūnus

Allah ﷻ berfirman (58:Yūnus):

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا

“Katakanlah [wahai Nabi Muhammad ﷺ]: Dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya, maka hendaklah mereka (orang-orang beriman) bersukacita...”

[Saidina ‘Abdullāh] Ibnu ‘Abbas رضي الله عنهما berkata:

فَضْلُ اللَّهِ الْعِلْمُ، وَرَحْمَتُهُ مُحَمَّدٌ ﷺ

“Limpah kurnia Allah adalah ilmu; dan rahmat-Nya adalah [Nabi] Muhammad ﷺ.”

Allah ﷻ berfirman (107:Al-Anbiyā’):

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

“Dan Kami tidak mengutuskanmu [wahai Nabi Muhammad ﷺ] melainkan sebagai rahmat bagi seluruh alam.”

Dan sambutan bagi kelahiran Penghulu Seluruh Makhluk ﷺ adalah merupakan satu penzahiran dari

penzahiran kegembiraan yang diperintahkan [oleh Allah ﷻ].

Dalil Kedua: Ayat 5 daripada Surah Ibrāhīm

Allah ﷻ berfirman (5:Ibrāhīm):

وَذَكِّرْهُمْ بِأَيَّامِ اللَّهِ

“Dan ingatkanlah mereka dengan Hari-hari Allah.”

Iaitu dengan “Nikmat-nikmat Allah kepada mereka”, sepertimana yang telah ditafsirkan oleh Ibnu ‘Abbās رحمته الله, Mujāhid dan Qatādah.

Dan kelahiran Baginda Nabi ﷺ adalah merupakan nikmat yang sangat agung dan kurniaan yang sangat besar kepada seluruh alam ini; tidak ada seorang Muslim pun yang ragu tentang hakikat ini.

Maka menyambut Hari Keputeraan Baginda ﷺ adalah dari bentuk kepatuhan kepada perintah Allah ﷻ untuk mengingati nikmat-nikmat-Nya dan kurniaan-kurniaan-Nya.

Dalil Ketiga: Hadis Ṣaḥīḥ Riwayat Abū Qatādah al-Anṣārī ﷺ

Daripada Abū Qatādah al-Anṣārī ﷺ, beliau berkata:

وَسُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ الْاِثْنَيْنِ، قَالَ: « ذَاكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ فِيهِ، وَيَوْمٌ بُعِثْتُ أَوْ أُنْزِلَ عَلَيَّ فِيهِ »

“Dan Baginda ﷺ telah ditanya tentang puasa pada hari Isnin, lalu Baginda ﷺ bersabda:

“Itu adalah hari aku dilahirkan padanya, dan hari aku dibangkitkan menjadi Rasul – atau dikurniakan wahyu kepadaku padanya.”

Riwayat Muslim (Status: Ṣaḥīḥ).

Maka penerangan Baginda Nabi ﷺ - berkenaan sebab Baginda ﷺ berpuasa pada hari Isnin adalah kerana keputeraan Baginda ﷺ padanya - merupakan dalil bahawa hari keputeraan Baginda ﷺ itu mempunyai keistimewaan berbanding hari-hari yang lain.

Dan seorang Muslim itu sentiasa berusaha untuk mendapatkan pahala dan ganjaran tambahan pada hari-hari yang diberkati [seperti hari kelahiran Baginda ﷺ].

Dalil Keempat: Hadis Ṣaḥīḥ Riwayat Ibnu ‘Abbās

رحمتهما

Daripada Ibnu ‘Abbās رحمه الله، beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya:

لَمَّا قَدِمَ الْمَدِينَةَ وَجَدَهُمْ يَصُومُونَ يَوْمًا يَعْنِي عَاشُورَاءَ، فَقَالُوا: هَذَا
يَوْمٌ عَظِيمٌ وَهُوَ يَوْمٌ نَجَّى اللَّهُ فِيهِ مُوسَى وَأَغْرَقَ آلَ فِرْعَوْنَ فَصَامَ
مُوسَى شُكْرًا لِلَّهِ، فَقَالَ: «أَنَا أَوْلَى بِمُوسَى مِنْهُمْ» فَصَامَهُ وَأَمَرَ
بِصِيَامِهِ

“Apabila Baginda Nabi ﷺ tiba di Madinah, Baginda ﷺ mendapati mereka (orang-orang Yahudi) berpuasa pada satu hari yang khusus – iaitu ‘Ashārā’.

Mereka berkata: “Ini adalah hari yang sangat agung. Ia adalah hari di mana Allah ﷻ telah menyelamatkan [Nabi] Mūsā عليه السلام dan menenggelamkan para pengikut Fir’aun. Lalu [Nabi] Mūsā عليه السلام berpuasa padanya sebagai tanda kesyukuran kepada Allah ﷻ.”

Baginda Nabi ﷺ bersabda: “Aku lebih berhak dengan [Nabi] Mūsā عليه السلام berbanding mereka.”

Lalu Baginda ﷺ pun berpuasa pada hari tersebut dan Baginda ﷺ memerintahkan para sahabat رضي الله عنهم untuk berpuasa juga pada hari tersebut.

Riwayat al-Bukhārī (Status: Ṣaḥīḥ).

Dan aspek pendalilan daripada hadis ini ialah: Sesungguhnya penzahiran kesyukuran kepada Allah ﷻ pada sesuatu hari di mana Allah mengurniakan nikmat tersebut padanya, atau padanya Allah ﷻ menolak perkara buruk dari berlaku, dengan berulang-ulangnya penzahiran kesyukuran tersebut pada setiap tahun adalah satu perkara yang diharuskan daripada sudut Syariat.

Dan pastinya di antara nikmat dan kurniaan yang paling agung adalah: Nikmat kelahiran Baginda Nabi ﷺ pada hari tersebut.

[Penutup]

Dan hendaklah kita sentiasa mengingatkan diri kita dan saudara-saudara kita para Muslimin tentang

kepentingan meneladani Baginda Nabi al-Karīm ﷺ pada akhlak dan peribadi/budi pekerti Baginda ﷺ, serta menuruti Sunnah Baginda ﷺ pada perkataan dan perbuatan.

Allah ﷻ berfirman (al-Ahzab:21):

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap [keredaa] Allah dan [balasan baik] hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”

[Selesai terjemahan]

Sumber: FB Page: Dā‘irat al-Iftā’ al-‘Amm al-Urduniyyah. Tarikh hantaran: 6 November 2019

